

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 October 2015

PM jelaskan isu 1MDB di AS

UM - 6/10/2015

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Dakwaan pihak tertentu kononnya Datuk Seri Najib Tun Razak enggan menangani atau memberi penjelasan tentang isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah tidak benar.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, Perdana Menteri telah membuktikan kesediaannya berbuat demikian dengan menjawab soalan berkaitan isu 1MDB yang dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin perniagaan di Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini.

Menurut beliau, dalam majlis makan tengah hari itu, Najib me-

nyentuh tentang kelemahan model perniagaan 1MDB yang disifatkannya terlalu idealistik.

“Najib menjelaskan hanya RM1 bilion dilaburkan untuk melaksanakan projek pembinaan hartanah mega manakala RM18 bilion digunakan untuk membeli loji jana kuasa, menyebabkan syarikat itu memerlukan pembiayaan hutang.

“Perdana Menteri turut menjelaskan kepada hadirin, beliau yakin proses rasionalisasi yang dilaksanakan 1MDB bagi mengurangkan sebahagian besar hutangnya akan selesai menjelang

hujung tahun ini,” katanya dalam kenyataan melalui laman blog beliau <http://sskeruak.blogspot.my> hari ini.

Salleh menambah, Najib juga memaklumkan kepada pemimpin-pemimpin perniagaan terbabit bahawa pengumuman berhubung pengurangan hutang 1MDB sebanyak RM16 bilion akan dibuat dalam masa terdekat.

“Walau bagaimanapun, semua perkara itu tidak dilaporkan oleh portal-portal berita tempatan yang nampaknya kurang berminat dengan perkembangan positif tentang 1MDB,” jelasnya.